

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengemukakan satu Rang Undang-Undang bagi membolehkan kepercayaan untuk Kerajaan terus atau tidak lagi mentadbir hanya boleh ditentukan di dalam Dewan Rakyat di mana undi tidak percaya akan sentiasa menjadi usul utama untuk dibincangkan di Dewan sekiranya ia dikemukakan.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi maksud menentukan sama ada atau tidak seseorang itu mendapat kepercayaan serta sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat untuk menjadi Perdana Menteri, Perlembagaan Persekutuan mahupun Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat tidak memperuntukkan tatacara yang berhubungan dengannya. Oleh yang demikian, Yang di-Pertuan Agong yang mempunyai kuasa prerogatif berkenaan perkara ini hendaklah memutuskan melalui cara sendiri untuk membuat penentuan. Yang di-Pertuan Agong boleh menentukan apa-apa

cara yang sesuai untuk menentukan individu yang pada hemat Yang di-Pertuan Agong mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, termasuklah dengan menerima apa-apa dokumen yang dikemukakan mahupun dengan mendapatkan kenyataan lisan atau bertulis daripada setiap ahli Dewan Rakyat.

Berhubung dengan undi tidak percaya, perkara tersebut tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun, Fasal (4) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan menyatakan yang berikut:

“43. (4) Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.”

Walaupun Fasal (4) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mengenai kedudukan jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, Fasal tersebut tidak memperuntukkan tatacara untuk mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri. Oleh itu, tatacara tersebut hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sehubungan itu, usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri boleh dibawa ke Majlis Mesyuarat sekiranya teratur dan mematuhi Peraturan Mesyuarat 26(1) dan 27(3) dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang berhubungan dengan kehendak mengenai pemberitahu usul. Usul undi tidak percaya juga tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 14 dan 15 dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat masing-masing mengenai susunan Aturan Urusan Mesyuarat dan peruntukan bagi mendahulukan Urusan Kerajaan. Namun, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mempunyai kuasa dan budi bicara untuk menentukan bila perbahasan usul boleh dibuat dengan mengambil kira urusan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.